

Headline **Kempen derma darah SYABAS dapat sambutan**  
Date **30 Jul 2010**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Sentral**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **4,5**  
Article Size **453 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **19,957**  
PRValue **59,872**



# Kempen derma darah SYABAS dapat sambutan

**K**UALA SELANGOR: Kempen derma darah anjuran Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) daerah Kuala Selangor dengan kerjasama Pusat Darah Negara di pejabat Operasi Syabas Kuala Selangor, baru-baru ini, mendapat sambutan lebih 100 kakitangan dan kontraktor yang berdaftar dengan syarikat pembekal air itu.

Program yang dirasmikan oleh Ahli Parlimen Kuala Selangor, Dr Zulkefly Ahmad, berkata kempen bertujuan membantu menambah bekalan darah di Pusat Darah Negara yang semakin berkurangan.

Pekerja kontraktor SYABAS, Nordin Ibrahim, 47, yang sudah menderma darah lebih sembilan kali, berkata beliau menyahut seruan kerajaan untuk berbakti kepada masyarakat.

"Saya mula menderma pada

2002 dan selepas itu hampir setiap tahun saya melakukannya.

"Pengalaman saya bekerja di pejabat kesihatan pada masa lalu membuatkan saya berasa betapa murninya aktiviti menderma darah ini," katanya.

Penolong Pengurus SYABAS Wilayah Kuala Selangor, Syarifah Fairus Syed Jaafar, berkata ia adalah pengalaman pertama beliau menderma darah.

"Pada mulanya saya berasa takut untuk menderma darah kerana melihat jarum suntikan, tetapi sebenarnya ia cukup mudah dan saya akan menderma lagi sekiranya berkesempatan.

"Saya berasa orang ramai tidak perlu memberikan tanggapan negatif mengenai program menderma darah kerana ia adalah satu kegiatan murni dan dipandang mulia menurut

ajaran Islam," katanya.

Syarifah Fairus berkata, keengganan ramai anggota masyarakat menderma darah mungkin berpunca daripada kebimbangan mereka terhadap jarum suntikan dan risiko pemindahan darah yang boleh mengakibatkan jangkitan virus HIV.

Penolong Pegawai Penerimaan, Pusat Darah Negara, Nurul Hazlina Mohmed Atar, berkata pusat itu memerlukan antara 400 hingga 500 unit darah dalam sehari dan keperluan itu meningkat apabila tiba musim perayaan berikutan kadar kemalangan yang tinggi.

"Kami amat menggalakkan jabatan kerajaan atau badan bukan kerajaan (NGO) untuk mengadakan kempen derma darah bagi menampung keperluan darah dengan menghubungi kami di talian 03-26955557 atau 03-26955558," katanya.

Sementara itu, Pengurus Wilayah Kuala Selangor SYABAS, Abdul Halim Ishak, berkata program yang diadakan itu adalah antara aktiviti tanggungjawab sosial dalam membantu golongan yang memerlukan.

"Kempen ini juga dapat menyalurkan semangat bantu membantu di kalangan kakitangan dan kontraktor SYABAS," katanya.

Terdahulu ketika merasmikan program itu, Dr Zulkefly berkata, pasangan yang ingin berkahwin digalakkan membuat pemeriksaan saringan talasemia sebagai langkah berjaga-jaga mengelakkan penyakit berkaitan darah itu diwarisi anak mereka.

"Ujian ini bukan menghalang ketentuan Tuhan tetapi sebagai langkah pencegahan kerana kita boleh mengelakkan sesuatu kejadian berlaku sekiranya ada ikhtiarinya," katanya.

Headline **Kempen derma darah SYABAS dapat sambutan**  
Date **30 Jul 2010**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Sentral**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **4,5**  
Article Size **453 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **19,957**  
PRValue **59,872**



ZULKEFLY memberikan sumbangan kepada penderma darah.